

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{4}$  jam

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

1103/1 © 2009 Bah. Cipta Kerajaan Malaysia




**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti badan beruniform yang terdapat di sekolah serta faedahnya. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah yang diperolehi apabila kita menyertai badan beruniform. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**AKTIVITI BADAN BERUNIFORM SERTA FAEDAHNYA****Ketahanan Mental dan Fizikal****Semangat Kerjasama dan Pembentukan Disiplin****Pengetahuan Asas Bantuan Kecemasan**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Ibu bapa sentiasa mengharapkan anak-anak mereka menjadi insan yang berguna. Bincangkan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan harapan mereka itu tercapai.
- 2 Aktiviti bercucuk tanam untuk keperluan harian di sekitar kawasan rumah seperti penanaman cili, serai dan sayur-sayuran perlu digalakkan dalam kalangan masyarakat. Huraikan kebaikan-kebaikannya.
- 3 Pengetahuan tentang sejarah penubuhan negara kita amat penting difahami oleh setiap rakyat demi memupuk rasa cinta akan negara.

Jelaskan pernyataan di atas.

*dek bapuk dek bapuk & selang dek panti*

- 4 Pemanasan global telah menjadi isu antarabangsa. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan. Tajuk rencana tersebut ialah 'Kesan-Kesan Pemanasan Global terhadap Bumi dan Hidupannya'.

Tulis rencana itu selengkapnya.

*- persiapan laporan ODN, b'nyak kejadian rumah hijau dimana ada tumbuhan hijau akan membantu oleh sebab perubahan hutan yg d'k' kawal*

- 5 Anda telah membaca sebuah novel yang mengandungi banyak pengajaran.

Berdasarkan novel tersebut, jelaskan pengajaran-pengajaran yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan kita.

*- pelajaran air di tuduh utawa akan meningkatkan budaya air di bumi dan akan syukur  
- Mengbetas air dan yg bert...*

KERTAS SOALAN TAMAT

Seorang Pq ni mudi buah melut dibelangan wangit di klauk dua. Pq ini mudi seperti setiap 6 batu dia seyah 100 tahun raita hanya 2 dekad ibaratkan seperti cendawan tumbuh cipta hanya. Pq ini boleh andatkan kesan-kesan yg sgt besar s'halp bumi dan hidupnya.

*dekad*

|   |  |  |
|---|--|--|
| $\begin{array}{r} 56 \\ 53 \\ \hline 109 \\ 58 \\ \hline 167 \end{array}$ | $\begin{array}{r} 165 \\ 160 \\ \hline 325 \\ 140 \\ \hline 465 \end{array}$ | $\begin{array}{r} 194 \\ 192 \\ \hline 386 \\ 198 \\ \hline 584 \\ 110 \\ \hline 694 \\ 135 \\ \hline 829 \end{array}$ |
|---|--|--|

*pelosok pelosok  
pelosok pelosok*

**SULIT**

*6/100  
6/100*

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Nov./Dis.

2  $\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

1103/2 © 2009 Hak Cipta Kerajaan Malaysia





## Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang <sup>kebaikan</sup> **kepentingan tidur dari segi saintifik dan cara-cara mengatasi masalah sukar tidur**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pernahkah sekali-sekala anda berasa otak lebih lembap dan sukar untuk berfikir? Pernahkah anda mengalami *keadaan yang merimaskan* terutama apabila sukar memberikan tumpuan kepada kerja ataupun pelajaran? Kajian menunjukkan bahawa masalah sukar menumpukan perhatian dan kelembapan otak ini ada kaitannya dengan faktor tidur.

Setiap orang memerlukan masa tidur yang berbeza mengikut umur, tahap kesihatan dan aktiviti hariannya. Misalnya, golongan remaja memerlukan tidur antara enam hingga lapan jam sehari. Tidur yang paling berkualiti ialah tidur pada waktu malam. Tidur amat penting bagi melancarkan proses metabolisme karbohidrat di dalam badan. Melalui proses ini, badan seseorang mengeluarkan hormon pertumbuhan yang berfungsi untuk membaiki sel-sel yang rosak. Kajian mendapati bahawa tidur yang cukup mampu meningkatkan keupayaan untuk belajar dan membantu dalam memelihara daya ingatan seseorang. Selain itu, proses penyimpanan maklumat di dalam otak juga berlaku semasa tidur. Oleh itu, mereka yang sering tidur lewat, seperti murid yang mengulang kaji pelajaran sehingga lewat malam, akan menyebabkan proses penyimpanan maklumat terganggu. Kurang tidur juga mengakibatkan tumpuan seseorang dalam membuat keputusan dan perancangan terjejas. Menurut kajian, kebanyakan kemalangan yang berlaku di tempat kerja dan di jalan raya ada kaitannya dengan tumpuan yang terganggu akibat faktor kurang tidur.

Tidur memantapkan sistem ketahanan dalam badan seseorang. Hal ini demikian kerana seseorang yang tidur kurang daripada kadar biasa akan mengalami tekanan dan melemahkan ketahanan badan sehingga menyebabkan mudah dijangkiti penyakit. Menurut pakar, badan kita mempunyai pusingan biologi yang tetap. Pusingan biologi ini aktif pada waktu siang dan kurang aktif pada waktu malam. Oleh itu, bagi memulihkan pusingan biologi dalam badan, kita perlu tidur secukupnya. Tidur yang tidak mencukupi akan menjejaskan pusingan biologi seseorang.

Selain tidur pada waktu malam, amalan tidur seketika pada waktu tengah hari dapat menyegarkan tubuh badan, sekali gus meningkatkan produktiviti. Kajian juga menunjukkan bahawa tidur secara rutin selama 30 minit pada waktu tengah hari dapat mengurangkan risiko sakit jantung. Walau bagaimanapun, seseorang tidak digalakkan tidur selepas matahari terbit dan pada waktu lewat petang. Hal ini demikian kerana menurut pakar, tidur pada waktu-waktu tersebut boleh menjejaskan kesihatan. Tidur yang cukup pada waktu yang sesuai merupakan komponen penting bagi mendapatkan kesihatan yang baik.


(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Tidur dari Segi Sainifik'  
oleh Danial Zainal Abidin,  
*Dewan Kosmik*, Februari 2007)

## Soalan 2 : Pemahaman

## Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *keadaan yang merimaskan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang dialami jika seseorang tidak mendapat tidur yang secukupnya.  
Nyatakan tiga daripada kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan seseorang menghadapi masalah sukar tidur?  
Kemukakan empat punca. [4 markah]



**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Abang Awi ketika menjemputku tadi sempat mencium tangan mama, sebelum berjanji untuk menghantarku pulang tidak lewat daripada jam 11.00 malam. Aku senang begitu.

“Zel, abang tanya. Warna baju ni sesuai tak dengan abah?” Lamunanku terencat. Abang Awi yang mesra (sedikit mesra kukira), tergelak kecil dengan keadaanku yang agak leka.

“Biru? Zel tahu benar warna kegemaran abah. Abah suka warna hijau tua. Macam ni...” Aku menghulur kemeja batik hijau lumut tua. Ada kerut di dahi luas Abang Awi.

“Hijau? Hijau tua? Abah tu abah abang. Abang tahulah *taste* abah. Abang fikir biru ni sesuai.”

“Abah abang? Jadi Zel ni siapa? Zel ni siapa dengan abah? Dia abah Zel juga. Apa yang Abang Awi cakap ni? Cakap orang gila?” Aku separuh menjerit. Tidak kuhirau pembeli-pembeli yang terlongo memandang ke arah kami. Aku tidak peduli. Kurenung muka Abang Awi yang mula berubah kemerahan. Hampir aku tidak sedar entah bagaimana Abang Awi berjaya menyeret aku keluar dari gedung pakaian itu dengan dua pasang kemeja batik biru dan hijau yang telah siap dibungkus.

(Dipetik daripada  
‘Virus Zel Untuk Abah’  
oleh Mawar Shafie dalam antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan **dua** perlakuan Abang Awi yang menunjukkan dia ingin mengambil hati Zel. [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda Abang Awi, nyatakan **tiga** tindakan yang akan anda ambil untuk memujuk Zel supaya tidak terus memarahi anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** latar tempat lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen tersebut. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Tun Beraim Bapa pun lalu sujud menyembah Sultan Ahmad dan semua gurunya sujud menyembah Sultan Ahmad. Setelah dilihat oleh segala pendekar perkasanya Tun Beraim Bapa itu semuanya amat dahaha dan hairan dan *gementar dagunya* seperti ayam takutkan helang, demikianlah lakunya. Maka segala pendekar itu berkata sama sendirinya. Seumur kita ini belum pernah kita melihat sikap manusia seperti kelakuan Tun Beraim Bapa ini, jangankan kita melawan dia, memandang matanya pun takut rasanya.

Maka sabda sultan, "Hai segala kamu pendekar, lawanlah olehmu hulubalangku ini dan pendekarku ini." Maka segala pendekar itu pun berdiam dirinya, lalulah ia kembali ke kapalnya dengan malunya menunduk kepalanya, lalulah ia belayar. Maka sultan pun bersabda kepada Tun Beraim Bapa, "Hai nyawa bapa dan cahaya mata bapa. Bawalah olehmu orang di hulu sungai itu sertamu." Maka sultan pun berangkatlah ke istananya. Maka Tun Beraim Bapa pun kembalilah membawa orang hulu sungai itu dengan segala gurunya dan mamaknya dan segala abangnya itu ke Tukas dengan senda-gurunya dan diperjamunya makan minum sekalian mereka itu. Setelah itu, maka sekalian mereka itu pun bermohonlah menyembah kepada Tun Beraim Bapa masing-masing kembali kepada tempatnya.

(Dipetik daripada  
'Kepahlawanan Tun Beraim Bapa'  
dalam antologi *Kerasi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *gementar dagunya*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga reaksi para pendekar setelah mereka diarahkan oleh sultan supaya berlawan dengan Tun Beraim Bapa. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda sultan kepada para pendekar tersebut, apakah tindakan yang mungkin anda ambil terhadap pendekar-pendekar yang enggan berlawan dengan Tun Beraim Bapa itu?  
Berikan tiga cadangan. [3 markah]



**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**ANAK LAUT**

Segar angin laut  
mengembalikan rindunya pada kolek  
bagai buih kecil terapung di air  
menjaring sedikit rezeki  
dan sisik ikan  
kulit ketam  
kepala sotong  
dan  
kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir  
menampakkan urat jalur-jalur tua  
anak laut itu sudah dapat menerka  
langkahnya hampir tiba  
pada muara Pencipta.

**Rahimidin Zahari**  
Antologi *Anak Laut*  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Nyatakan perkara-perkara yang dikenang oleh 'anak laut' dalam sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara untuk meningkatkan taraf hidup nelayan? Berikan tiga cadangan anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Kadalu-  
Wah  
Gusdur  
yang kulu

perlu  
menjadi

lebih  
sudah

yang kulu

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- |                   |                      |
|-------------------|----------------------|
| (i) hiruk-pikuk   | (iv) senang-lenang   |
| (ii) selok-belok  | (v) lintang-pukang   |
| (iii) lambat-laun | (vi) kenduri-kendara |

[6 markah]

- (b) Kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat yang lengkap** bagi setiap ayat seperti yang berikut:

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

- Kami dilayan dengan mesra oleh pekerja restoran tersebut.
- Ketinggian Gunung Kinabalu 4104 meter.
- Pada setiap petang Sabtu, kami sekeluarga ke perpustakaan.
- Taman Tasik Perdana terkenal oleh landskapnya yang menarik.
- Murid yang pintar itu bercita-cita untuk menjadi angkasawan.
- Demi membiayai kos pelajaran anak-anak, ibu bapa sanggup bergolok-bergadai.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- <sup>Kafeteria</sup> Pengusaha kafetaria itu telah dikenakan tindakan kerana <sup>persediaan</sup> persediaan makanan yang tidak bersih.
- <sup>peragawati</sup> Peragawati itu menggunakan losyen berjenama terkenal untuk <sup>melembuti</sup> melembuti kulitnya.
- <sup>elektronik</sup> Penggunaan peralatan eletronik membolehkan murid-murid mengikuti kaedah pelajaran terkini.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pencemaran alam sekitar pada tahap <sup>besar</sup> besar akan menyebabkan sesebuah negara mengalami kerugian di dalam jangka masa panjang.
- (ii) Amalan pemakanan lengkap dalam kalangan masyarakat adalah antara langkah yang berkesan supaya mencegah pelbagai penyakit.
- (iii) Tindakan tatatertib akan dikenakan pada pegawai yang melakukan silap laku dalam menjalankan tugas.

[6 markah]

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.

Ayah : Syafik, jagalah diri baik-baik ketika di rantau orang. Di sana nanti sesuaikan diri dengan budaya dan adat resam mereka. Ikutlah nasihat orang tua-tua, iaitu \_\_\_\_\_ (i) baik utang di rumah, baik bayar di luar

Syafik : Terima kasih ayah. Saya akan sematkan nasihat ayah itu dalam hati saya.

Ayah : Di luar negara nanti ayah berharap Syafik belajarlah rajin-rajin. Setelah berjaya kelak, berkhidmatlah kepada negara ini kerana kerajaan memerlukan tenaga muda untuk membangunkan negara, baik kata peribahasa \_\_\_\_\_ (ii) baik jauh lagi, daripada bunyi, baik beramal di rumah

Syafik : Saya tidak lupa akan nasihat ayah itu.

Ayah : Satu lagi, jika ada peluang, jelajailah negara orang dan timbalah pengalaman sebanyak-banyaknya kerana \_\_\_\_\_ (iii) dan pengalakan adat

[6 markah]



## Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlombongan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari ✓
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain ✓
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Ketabahan watak utama dalam sesebuah novel membolehkannya memperoleh kejayaan. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh yang dapat membuktikan pernyataan di atas.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu** contoh nilai kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

66  
122  
88  
+ 88  
---  
108  
+ 108  
---  
117

Panggil, Adang  
Marwa, Anwar  
Moklis, Anwar  
Jaguar  
Pak Rukun  
Mikha

Dina or  
Hj. Yusof